



Oleh Nurzuliana Kamaruzaman



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

“IKIM: Inspirasi Inforia Islami”. Slogan yang sering didengari menerusi corong radio ini merupakan **“identiti emas”** siaran Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia atau lebih dikenali dengan **IKIM.fm**. **IKIM.fm** merupakan satu-satunya siaran radio berkonsepkan pendekatan islamik yang bersiaran selama 24 jam pada setiap hari. Siaran **IKIM.fm** juga boleh didengari di seluruh negara. Kini dengan evolusi teknologi semasa, **IKIM.fm** telah dapat diikuti siarannya hingga lebih daripada 100 buah negara di seluruh dunia secara dalam talian, iaitu *ikimfm.my*. Radio **IKIM** telah menyajikan program-program yang menjurus kepada pendidikan rohani dan penuh ilmu. Di samping itu, **IKIM.fm** secara terus-menerus menjadi siaran radio hiburan santapan rohani yang tidak melalaikan, bahkan memberikan pelbagai manfaat kepada setiap pendengarnya.

Tahukah anda **IKIM.fm** bukan sekadar siaran radio?

Peranan dan fungsi Institut Kefahaman Islam Malaysia atau nama singkatannya **IKIM** ini adalah lebih luas dan mencabar. Siaran Radio **IKIM.fm** merupakan satu daripada program besar di bawah kelolaan institusi ini. Pada awal rancangan penubuhannya, **IKIM** berfungsi sebagai sebuah institusi pemikir yang berperanan untuk meningkatkan kefahaman tentang agama Islam dalam kalangan orang-orang Islam dan bukan Islam.

Selain itu, **IKIM** juga berperanan untuk memberikan kefahaman Islam yang sebenarnya demi menjaga kesucian ajaran Islam tanpa menyentuh perkara-perkara retorik atau menyimpang dari jalan yang ditetapkan. Pada 18 Februari 1992, institusi ini telah

didaftarkan atas nama Institut Kefahaman Islam Malaysia dan merupakan sebuah Syarikat Berhad di bawah Akta Syarikat 1965. Manakala, Majlis Pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia ini adalah pada 3 Julai 1992 dan telah disempurnakan sendiri oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.


INFORMASI

Penubuhan IKIM merupakan cetusan idea Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa menjadi Perdana Menteri keempat negara. Pada 6 Julai 2001, IKIM telah mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila berjaya melancarkan siaran Radio IKIM.fm buat julung-julung kalinya. Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Stesen radio yang beroperasi selama 24 jam sehari ini disiarkan dari studio di Bangunan IKIM di Jalan Duta dan telah mendapat sambutan baik daripada pendengar yang terdiri daripada pelbagai golongan seperti mahasiswa dan golongan muda yang ingin mendapatkan maklumat dan ilmu sambil berhibur.

Selaras dengan penubuhan dan sokongan padu daripada Perdana Menteri, institusi ini telah ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berikut:

- Menjalankan aktiviti penyelidikan dan aktiviti rundingan yang melibatkan penyelidikan menyeluruh dan bersepadu tentang peranan Islam dan umat Islam untuk menghadapi hakikat semasa.

- Menjadi forum bagi sarjana Islam dan bukan Islam untuk membincangkan dan menganalisis isu yang menjadi kepentingan bersama.
- Mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam tentang isu-isu antarabangsa yang mungkin mempunyai kesan langsung atau tidak langsung kepada umat Islam.
- Bertindak sebagai sumber maklumat bagi hal ehwal umat Islam.




Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Pengerusi IKIM yang pertama.

Pengerusi pertama IKIM yang dilantik untuk menerajui institusi ini ialah Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid. Beliau telah dilantik pada 15 Mac 1992 oleh Perdana Menteri sendiri. Manakala, Dato' Dr. Ismail Haji Ibrahim telah dilantik sebagai Ketua Pengarah pertama IKIM, iaitu pada 16 April 1992. Pada awal penubuhannya, IKIM beroperasi secara sementara di Pusat Bandar Damansara sebelum berpindah ke bangunan baharu yang terletak di Jalan Langgak Tunku Off Jalan Duta, Kuala Lumpur pada Oktober 1993. Manakala, pada 24 Mac 1994, Majlis Perasmian Bangunan Baharu IKIM telah disempurnakan sekali lagi oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Selari dengan matlamat penubuhannya, IKIM telah menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan yang merangkumi peranan Islam dan umat Islam untuk menghadapi cabaran semasa, seiring dengan perubahan dan kemajuan dunia. Institusi ini telah menghasilkan pelbagai penerbitan termasuklah buku, majalah dan jurnal untuk bacaan umum dan kumpulan sasar tertentu. Kesemua bahan bacaan tersebut telah diterbitkan dalam pelbagai bidang seperti syariah dan undang-undang, ekonomi dan pengurusan serta pandangan sejagat Islam. Para penyelidik dari institusi ini juga menulis dalam ruangan-ruangan tetap, wacana dan artikel untuk beberapa akhbar seperti *Utusan Melayu*, *The Star*, *The New Straits Times*, *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* dan *Sinar Harian*.

IKIM juga telah merangka dan menjalankan aktiviti yang melibatkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara Asia, Timur Tengah,





Perasmian Bangunan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 24 Mac 1994.


Eropah serta negara-negara yang lain. Percambahan fikiran dan penyelesaian mengenai isu-isu tertentu diperoleh melalui program yang dianjurkan seperti persidangan, forum, perbincangan dan dialog. Bukan itu sahaja, beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai dengan institusi-institusi pemikir dan pusat-pusat akademik seluruh dunia. Antaranya termasuklah *Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA)*, *The Foundation for Research in Islamic Science* dari Turki, *Ikatan Cendekiawan Islam SelIndonesia (ICMI)*, *Pusat Da'wah Islamiah (Brunei Darussalam)* dan *Jamia Millia Islamia (India)*.

IKIM HARI INI

Hingga hari ini, stesen radio hiburan mendidik jiwa dengan slogan "Pilihan Utama Anda" dan telah beralih kepada slogan "Inspirasi Inforia Islami" kekal bersiaran dengan penampilan yang lebih segar pada setiap variasi slot ilmu dan hiburan seperti dalam bidang agama, ekonomi, perubatan, kesihatan, sains, alam sekitar, pendidikan, peradaban dan lain-lain.

Selaras dengan perkembangan dunia informasi, komunikasi dan teknologi (ICT), pada 12 Julai 2012, Internet TV IKIM telah dilancarkan dan disempurnakan oleh Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi selaku Pengerusi IKIM selepas Tun

“
Aktiviti menterjemah buku-buku tradisi Islam yang dianggap sebagai sumber rujukan klasik juga merupakan usaha dan inisiatif yang telah dilakukan oleh IKIM. Antara tajuk buku tradisi Islam yang dipilih untuk diterjemahkan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu ialah *Pelayaran Ibn Batutah, Adab Qadi Menurut al-Mawardi-Jilid 1, Akhlak Islam-Jilid 1 dan Usul Fiqh Islam.*



Pelancaran Radio IKIM.fm oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 6 Julai 2001.



Dato' Dr. Ismail Haji Ibrahim, Ketua Pengarah IKIM yang pertama.

Ahmad Sarji Abdul Hamid. Internet TV IKIM merupakan satu lagi usaha institusi ini untuk memanfaatkan media elektronik yang berfungsi sebagai medium penyampaian, penerbitan dan penyiaran ilmu, serta maklumat tentang agama Islam kepada semua lapisan masyarakat. Slogan "Rangkaian Kefahaman Islam" menjadi bukti bahawa TV IKIM sangat komited menyiarkan segala program dan rancangan yang berkualiti dan bermanfaat kepada para penonton bagi mendapatkan kefahaman sebenar mengenai agama Islam serta isu-isu semasa. Terdapat empat saluran utama di Internet TV IKIM, iaitu IKIM.fm, Perspektif, Life Streaming dan Pay Per View.



Salah satu daripada seminar anjuran IKIM yang sering mendapat sambutan peserta dari luar dan dalam negara.